



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 7 NOVEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9.	KPK BINCANG DENGAN KPKM DAN KPDN WUJUDKAN AKTA KAWAL BAJA, HM -ONLINE PESAWAH DIGALAK TINGKAT TANAMAN PADI SPESIAL, UTUSAN BORNEO -ONLINE TUNGGU LAPORAN RASMI DEDAH MONOPOLI, KARTEL INDUSTRI PADI, NASIONAL, BH -6 LAPORAN RASMI KAJIAN KARTEL PADI, BERAS AKAN DIDEDAH, NASIONAL, SH -7 MyCC KESAN KARTEL PADI, BERAS, NEGARA, KOSMO -5 MyCC DAH SIAP LAPORAN KAJIAN, DEWAN RAKYAT, HM -18 'RICE, PADI CARTEL REPORT COMPLETED', NATIONAL, THE SUN -3 RICE CARTEL REPORT READY, NEWS, NST -6 STRANDED DOLPHIN IN PENANG RESCUED, NATION, THE STAR -3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
10.	LKIM JAMIN BEKALAN CUKUP SEPANJANG TENGGUJUH, DALAM NEGERI, UM -11	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
11. 12. 13. 14. 15.	HARGA SAYUR DIJANGKA NAIK 20 HINGGA 30 PERATUS, LOKAL, HM -21 KELANTAN RANCANG BINA KILANG MAKANAN HAIWAN, TIMUR, HAKAKAH -15 BOT PUAKA TUNDA TUTUP PERIUK NASI NELAYAN SUNGAI RAMBAH, DALAM NEGERI, UM -32 KENAIKAN DIESEL PUNCA KOS TANAMAN PADI MENINGKAT, TIMUR, HAKAKAH -H17 KELANTAN TEROKA TANAMAN PADI HUMA, DARUL NAIM, HAKAKAH -H22	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/11/2024	HARIAN METRO	ONLINE	

KPK bincang dengan KPKM dan KPDN wujudkan akta kawal baja



Menteri Perladangan dan Komoditi Datuk Seri Johari Abdul Ghani pada sesi menjawab Perbahasan Belanjawan 2025 sempena Persidangan Dewan Rakyat, Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Parlimen ke-15 di Parlimen hari ini. FOTO BERNAMA

Kuala Lumpur: Tiga kementerian akan mengadakan perbincangan untuk mewujudkan satu akta bagi

mengawal dan membendung penipuan kandungan dalam baja.

Menteri Perladangan dan Komoditi (KPK), Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, kementeriannya akan berbincang dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi meneliti lanjut cadangan berkenaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/11/2024	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Pesawah digalak tingkat tanaman padi spesial



KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menggalakkan pesawah mengusahakan tanaman padi spesial kerana ia mempunyai nilai komersial dan harga jualan yang lebih tinggi berbanding beras putih biasa.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Arthur Joseph Kurup berkata saban tahun negara mengimport lebih satu juta tan metrik beras iaitu hampir 22 peratus merupakan beras spesial seperti beras wangi, beras basmati dan lain-lain.

“Peningkatan keluasan serta peningkatan hasil varieti spesial yang ditanam dalam negara dapat menampung keperluan domestik dan secara tidak langsung akan mengurangkan kebergantungan kepada beras import,” katanya pada sesi Kamar Khas persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab usul yang dikemukakan Riduan Rubin (Bebas-Tenom) mengenai pembangunan potensi industri beras spesial sebagai sekuriti makanan negara.

Arthur berkata kementerian terbuka dan bersedia untuk menyemak semula undang-undang sedia ada sekiranya ada keperluan bagi membolehkan industri beras spesial terus berkembang pesat dan berdaya saing memandangkan potensi penanaman padi spesial sebagai alternatif yang dapat mempelbagaikan varieti dan meningkatkan pendapatan pesawah.

Beliau berkata KPKM melalui Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah melaksanakan kajian mengenai penerimaan pengguna terhadap beras spesial keluaran MARDI iaitu beras rebus, padi warna dan beras wangi.

“Hasil kajian terhadap beras rebus oleh MARDI menunjukkan pengguna lebih cenderung memilihnya kerana ciri-ciri nasi yang lebih seroi dan beraroma berbanding beras rebus lain di pasaran. Hal ini turut diakui oleh pihak industri dengan pengilang padi juga merasakan bahawa beras rebus MARDI lebih beraroma,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/11/2024	BERITA HARIAN	NASIONAL	6



Fuziah pada Persidangan Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen, semalam. (Foto BERNAMA)

Tunggu laporan rasmi dedah monopoli, kartel industri padi

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sudah menyiapkan laporan mengenai aktiviti kartel dan monopoli membatikan industri padi dan beras negara.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh, bagaimanapun berkata, pihaknya tidak boleh memberikan perincian lanjut sehingga laporan rasmi dikeluarkan.

"Berkenaan (isu) beras dan petani, saya nak maklumkan MyCC sudah siap laporan mengenai kartel padi dan beras.

"Tapi saya tak boleh jelaskan di sini hingga laporan rasmi didedahkan, tetapi setakat ini, isu ini sudah diselesaikan," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim (PN-Arau) yang ingin tahu sejauh mana kerajaan mengambil tindakan ke atas kartel dan aktiviti monopoli yang didakwa mempengaruhi harga jualan bahan mentah dan makanan semasa.

Fuziah menjelaskan kemungkinan laporan MYCC itu mendedahkan penyalahgunaan kedudukan dominan syarikat tertentu yang mengawal bekalan berkaitan industri padi dan beras antaranya benih import.

Sebelum ini, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail memaklumkan hasil kajian am membatikan industri padi dan beras di negara ini akan dibentangkan ke Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akhir September.

Iskandar dilaporkan berkata selepas dibawa ke KPDN ia akan dibentangkan kepada Kementerian Pertanian dan Ke-

terjaminan Makanan (KPKM).

Gesaan bagi menghapuskan kartel import baja dan benih dalam industri padi dan beras negara turut disuarakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika merasmikan Pameran Pertanian Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024, September lalu.

Anwar berkata, usaha memerlukan tekad politik dan ketegasan menteri berkenaan.

Fuziah turut menjawab soalan tambahan Datuk Mohd Isam Mohd Isa (BN-Tampin) yang ingin tahu perkembangan inisiatif Menu Rahmah yang semakin 'hambur' dengan ramai peniaga didakwa tidak berminat meneruskannya.

Beliau berkata, bagi menggalakkan pengusaha makanan menjayakan inisiatif itu, KPDN menambah baik sistem Kad Diskaun Khas Menu Rahmah.

Memperincikan langkah diambil, katanya, KPDN kini menawarkan penggunaan kad terabit untuk digunakan di Jualan Rahmah.

"November tahun lalu kita perkenalkan Kad Diskaun Khas Menu Rahmah untuk beri diskaun kepada pengusaha Menu Rahmah supaya boleh beri bimbingan keperluan memasak dengan potongan harga.

"Tetapi kita dapati ada masalah kerana pasar raya yang tawar perkhidmatan untuk diskaun guna sistem berbeza.

"Jadi kita atasi masalah terabit dengan cara (selain beli di pasar raya terpilih), menawarkan diskaun kepada operator Menu Rahmah untuk beli bahan mentah di Jualan Rahmah dan dibenarkan beli contohnya ayam, kalau dulu boleh beli sekor, tetapi (kini) boleh beli lebih daripada itu," katanya.

Laporan rasmi kajian kartel padi, beras akan didedah

KUALA LUMPUR

- Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah menyediakan laporan kajian mengenai aktiviti kartel melibatkan padi dan beras.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh berkata, kajian itu termasuk kemungkinan penyalahgunaan kedudukan dominan mana-mana syarikat yang mengawal bekalan benih, import dan sebagainya.

"Berkenaan beras dan petani, saya nak maklumkan MyCC sudah menyiapkan laporan kajian mereka berkenaan kartel padi dan beras. Tetapi saya tidak boleh dedahkan di sini lagi sehingga laporan rasmi itu didedahkan, tetapi (ia) sudah diselesaikan," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat.

Beliau menjawab soalan tambahan **Datuk Seri Dr Shahidan Kasim (PN-Arau)** yang ingin tahu usaha kementerian dalam mengawal harga beras dan cadangan menaikkan harga lantai belian padi yang ketika ini ditetapkan pada RM1,300 satu tan.

Menjawab soalan asal Shahidan mengenai usaha kerajaan dalam menangani masalah kartel dan monopoli yang mempengaruhi kenaikan harga barang, Fuziah berkata, MyCC memainkan peranan untuk menyiasat dan mengambil tindakan sekiranya terdapat sebarang aktiviti kartel dan monopoli pada sepanjang rantaian sesuatu bekalan.

"Kartel ini apabila ada beberapa syarikat berpakat untuk mengawal harga contohnya melibatkan



FUZIAH

makanan haiwan dan di sepanjang rantaian bekalan itu kalau berlaku mereka berpakat maka harga makanan akan meningkat.

"Monopoli pula apabila ada satu syarikat menyalah guna kuasa dominannya untuk

meletakkan syarat berbeza sehingga dia dapat keuntungan dari situ...dalam keadaan ini MyCC memainkan peranan buat siasatan dan mengenakan tindakan sekiranya ada berlaku," katanya.

Sementara itu, menjawab soalan tambahan **Datuk Mohd Isam Mohd Isa (BN-Tampin)** mengenai status terkini program Menu Rahmah, Fuziah berkata, pemegang kad diskaun Menu Rahmah kini boleh membuat pembelian di Jualan Rahmah yang diadakan di seluruh negara.

Beliau berkata, kelonggaran itu diberikan kepada operator Menu Rahmah bagi memudahkan mereka mendapatkan barangan asas pada harga murah berbanding membeli di pasar raya yang agak sukar kerana sistem pengurusan berbeza.

"Kita perkenalkan kad diskaun Menu Rahmah pada November tahun lepas untuk memberi diskaun kepada pengusaha Menu Rahmah supaya mereka dapat beli barang keperluan, namun kita dapati selepas beberapa bulan ada masalah kerana pasar raya yang menawarkan perkhidmatan diskaun ini ada sistem berbeza dan satu kad tak dapat diguna pakai di semua pasar raya.

"Tetapi kita dah atasi dengan menawarkan kad diskaun kepada operator Menu Rahmah untuk mereka beli di Jualan Rahmah," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/11/2024	KOSMO	NEGARA	5

MyCC kesan kartel padi, beras

KUALA LUMPUR – Dewan Rakyat semalam dimaklumkan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah melengkapkan kajian berhubung kewujudan kartel dalam industri padi dan beras.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh berkata, kajian mendapati terdapat kemungkinan penyalahgunaan kedudukan oleh syarikat tertentu yang mengawal bekalan.

“Tahun 2022 harga ayam tak boleh dikawal sebab kartel makanan haiwan yang sudah diban-terras dan dikenakan hukuman oleh mahkamah.

“Berkenaan beras dan petani, saya nak maklumkan MyCC sudah menyiapkan laporan kajian mereka berkenaan kartel padi dan beras, tetapi saya tak boleh dedahkan di sini lagi sehingga laporan rasmi didedahkan.

“Tetapi sudah pun diselesaikan berkenaan kartel padi dan beras dan kemungkinan penyalahgunaan kedudukan dominan oleh mana-mana syarikat yang mengawal bekalan benih, import dan sebagainya,” katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Dr. Shahidan Kassim (**PN-Arau**) berhubung usaha kerajaan untuk membantu golongan petani berdepan peningkatan kos sara hidup.

Menjawab soalan tambahan Datuk Mohd. Isam Mohd. Isa



MYCC sudah menyiapkan laporan kajian berkenaan kewujudan kartel padi dan beras yang mengawal harga bahan makanan itu. – GAMBAR HIASAN

berkenaan status Menu Rahmah semakin sukar ditemui, Fuziah berkata, antara faktor disebabkan permasalahan pada penggunaan Kad Diskaun Menu Rahmah yang diberikan kepada pengusaha makanan sebelum ini.

Menurut beliau, kad itu diberikan kepada pengusaha Menu Rahmah bermula November tahun lalu bertujuan memberi mereka diskaun untuk membeli barang keperluan bagi memasak Menu Rahmah.

Bagaimanapun, kata beliau, selepas beberapa bulan pihaknya mendapati pasar raya yang menawarkan khidmat untuk diskaun itu mempunyai sistem ber-

beza menyebabkan kad tersebut tidak dapat digunakan.

“Kita bagaimanapun sudah mengatasi masalah tersebut dengan cara menawarkan kad diskaun ini kepada operator Menu Rahmah untuk mereka membeli di Jualan Rahmah.

“Sebelum ini Jualan Rahmah tidak boleh dibekalkan kepada peniaga, kini boleh. Kalau (had pembelian) ayam dua ekor, mereka boleh beli lebih kerana mereka berniaga.

“Kalau (had pembelian) beras satu atau dua pek, mereka boleh beli lebih dengan mendapatkan Kad Diskaun Menu Rahmah,” katanya.



11/11H pada Waktu
Pertemuan Menteri di
Dewan Rakyat semalam

Oleh Mahaizura
Abd Malik
mahaizura@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Suruhanjaya Persai-
ngan Malaysia (MyCC)
sudah menyiapkan la-
poran kajian mengenai kar-
tel padi dan beras.

**Timbalan Menteri Per-
dagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup
(KPDN), Fuziah Salleh** ber-
kata, dapatan laporan itu
kemungkinan mendedah-
kan penyalahgunaan domi-
nan mana-mana syarikat
yang terbabit memonopoli
bekalan berkenaan.

"MyCC sudah menyiap-
kan laporan kajian mereka
berkenaan kartel padi dan
beras, tetapi saya tidak bo-
leh dedahkan di sini se-
hingga laporan rasmi dide-
dahkan, tetapi sudah dise-
lesaikan.

"Dan kemungkinan pe-
nyalahgunaan kedudukan
dominan mana-mana sya-
rikat yang mengawal beka-
lan benih import dan se-
bagainya," katanya pada
Waktu Pertanyaan Menteri
di Dewan Rakyat semalam.

Bellau menjawab soalan
tambahan **Datuk Seri Dr
Shahidan Kasim
(PN-Arau)** mengenai se-
jauh mana kerajaan me-
ngambil tindakan terhadap
kartel yang memonopoli
harga makanan.

Sementara itu, menja-
wab soalan tambahan **Da-
tuk Mohd Isam Mohd Isa
(BN-Tampin)** mengenai
status Menu Rahmah, Fu-
ziah berkata, KPDN sudah
memperluaskan penggu-
naan Kad Diskaun Khas
Menu Rahmah yang dita-
warkan kepada pengusaha.

KARTEL PADI DAN BERAS

MyCC dah siap laporan kajian

"Kita memperkenalkan
Kad Diskaun Khas Menu
Rahmah November tahun
lalu untuk memberikan
diskaun kepada pengusaha
supaya mereka boleh beli
barangan keperluan untuk
masak Menu Rahmah.

"Namun kita dapati ada
masalah kerana pasar raya
menawarkan khidmat dis-
kaun ini mempunyai sis-
tem berbeza. Jadi kad ini ti-

dak dapat diguna pakai di
semua pasar raya.
"Maka kita atasi masalah
itu dengan cara menawar-
kan kad ini kepada operator
Menu Rahmah untuk me-
reka beli di Jualan Rahmah
yang sebelum ini tidak bo-
leh membekalkan kepada
peniaga," katanya.

Katanya, dengan kae-
dah itu, pengusaha yang
menawarkan Menu Rah-

mah diberi kelonggaran
membeli barangan keper-
luan di Jualan Rahmah
pada kadar melebihi
pengguna biasa.

"Kalau dulu di Jualan
Rahmah (boleh beli
ayam dua ekor atau beras
sepek atau dua pek
(saja) sekarang kalau dia
berniaga (Menu Rahmah)
boleh (membeli) lebih,"
katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/11/2024	THE SUN	NATIONAL	3

'Rice, *padi* cartel report completed'

KUALA LUMPUR: The Malaysia Competition Commission (MyCC) has prepared a report on cartel activities involving rice and *padi*, the Dewan Rakyat was told yesterday.

Deputy Domestic Trade and Cost of Living Minister Fuziah Salleh said the study includes examining potential abuses of dominant positions by companies controlling seed supply, imports and other areas.

"Regarding rice and farmers, I would like to inform that MyCC has completed its study report on the rice and *padi* cartel.

"However, I cannot reveal the details until an official report is disclosed," she said.

She was replying to a supplementary question from Datuk Seri Dr Shahidan Kasim (PN-Arau), who inquired about the ministry's efforts to control rice prices and proposals to increase the *padi* purchase floor price, currently set at RM1,300 per tonne. – Bernama

REPORTS BY Hana Naz Harun and Latifah Arifin

RICE AND PADI INDUSTRY

RICE CARTEL REPORT READY

Fuziah hints at potential power abuse by companies that control supplies

KUALA LUMPUR

THE Malaysian Competition Commission (MyCC) has completed its report on cartel and monopoly activities involving the rice and padi industry, the Dewan Rakyat heard yesterday.

Deputy Domestic Trade and Cost of Living Deputy Minister Fuziah Salleh said she could not divulge more information about the findings until the official report was issued.

"MyCC has completed its report on the padi and rice cartel. I cannot elaborate on it until the official report is released.

"For now, this issue has been resolved," she said, adding that the report might reveal the abuse of power by companies in dominant positions that control supplies related to the rice and padi industry.

Fuziah was responding to a question from Datuk Seri Dr Shahidan Kassim (PN-Arau) who wanted to know the actions taken by the government against cartel and monopoly activities, which he claimed had affected the prices of raw materials and



Deputy Domestic Trade and Cost of Living Minister Fuziah Salleh speaking in the Dewan Rakyat in Kuala Lumpur yesterday. BERNAMA PIC

essential food items.

It was previously reported that MyCC would present the report to the ministry by the end of September.

MyCC chief executive officer Iskandar Ismail said the report would then be presented to the Agriculture and Food Security Ministry.

On Sept 14, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim had called for an end to the old practice of procuring seeds and fertilisers through cartels.

He said ending this required political will and decisive action from the minister in charge.

On a separate matter, Fuziah said the ministry would improve the special discount card for the Rahmah Menu initiative, to encourage more food operators to participate in the programme.

The card, she said, was introduced in November last year to provide discounts to Rahmah Menu operators so they could buy essential cooking items at reduced prices.

"However, we found that there were issues because supermarkets offering discounts were using different systems.

"To address this, besides buying at selected supermarkets, we

are offering discounts to Rahmah Menu operators to buy raw materials at Rahmah Sales programmes where they are allowed to buy items, such as chicken.

"For example, if previously they could only buy one (with the discount card) now they can buy more," she said in response to a question from Datuk Mohd Isam Mohd Isa (BN-Tampin).

Isam had asked for updates on the Rahmah Menu initiative, which he said had lost its momentum, with many businesses seemingly no longer interested in taking part in it.

Stranded dolphin in Penang rescued

By R. SEKARAN

rsekaran@thestar.com.my

GEORGE TOWN: Several fishermen managed to rescue a distressed dolphin at Teluk Kumbar near here.

One of them, Samsuar Hasshim, 46, said he received a call from a friend who sighted the dolphin near the shoreline at around 5.30pm on Tuesday.

The 1.5m-long dolphin was seen struggling with the currents close to shore and seemed distressed.

Realising something was amiss, the fishermen gathered a small team to guide the dolphin back to deeper waters.

Samsuar said it was no easy task as dolphins are known to be quick, elusive and fiercely intelligent.

"But there was something different about this one.

"Instead of panicking, it seemed almost resigned, too weak to swim back out on its own, but still strong

enough to move cautiously.

"Using a sunshade net, we gently coaxed the dolphin into a calmer position.

"The entire process took us about 40 minutes before we coaxed it out to sea," he said.


Samsuar said this was the first time that a dolphin was found alive near the shoreline in Teluk Kumbar.

He said there were instances when the mammals died after getting entangled in fishing nets.

Dolphins have been seen in Penang waters over the years.

According to MareCet, a non-governmental organisation that researches aquatic and marine mammals in Malaysia, there are at least 27 different species of whales, dolphins and porpoises in Malaysian waters – based on records of live sightings and dead ones.

The ones which are spotted in Penang are mainly the Irrawaddy dolphins, usually in the island's northwest.



Helping hands: Samsuar (right) and Teluk Kumbar Fishermen Unit chief Roslizan Ramli helping the stranded mammal near the shoreline in Teluk Kumbar, Penang. — Photo courtesy of local resident Muhammad Azril Ariff

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/11/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	11

LKIM jamin bekalan ikan cukup sepanjang tengkujuh

Oleh **FATIN NORIZATI MAT ISA**
norizati.s@mediamalaysia.com.my

PETALING JAYA: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memberi jaminan bekalan ikan dijangka kekal stabil sepanjang musim tengkujuh meskipun berdepan cabaran cuaca buruk yang boleh menjejaskan aktiviti penangkapan ikan terutama di Pantai Timur.

Pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil berkata, dalam usaha memastikan keterjaminan bekalan ikan di pasaran, LKIM membuat persiapan awal dengan menyimpan sekitar 1,600 tan metrik ikan sejuk beku yang terdiri daripada ikan popular seperti selayang, aya, selar, dan kembung.

Menurut beliau, stok ini disimpan di bilik sejuk atau cold room di beberapa Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) dan syarikat swasta yang bekerjasama dengan LKIM bagi memastikan ikan yang disimpan kekal dalam keadaan baik dan segar untuk dipasarkan kepada pengguna.

"Dengan cara ini, LKIM bukan sahaja dapat mengelakkan penurunan bekalan ikan di pasaran, tetapi dapat mengekalkan harga yang stabil untuk pelbagai jenis ikan yang menjadi pilihan rakyat.

"LKIM juga mengambil langkah untuk mengimport ikan tertentu dari negara jiran seperti Thailand dan India untuk memastikan bahawa keperluan ikan di pasaran dapat dipenuhi, sekaligus mengelakkan sebarang krisis bekalan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Media sebelum ini melaporkan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) meramalkan Monsun Timur Laut (MTL) bermula 5 November ini sehingga Mac 2025, dengan jangkaan lima hingga tujuh episod hujan lebat berlaku sepanjang tempoh itu.

Ketua Pengarah MetMalaysia, Dr. Mohd Hisham Mohd Anip berkata, semasa fasa awal MTL dari November hingga Disember, hujan lebat dijangka me-

landa Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Sarawak dan Sabah.

Mengulas lanjut, Muhammad Faiz berkata, kawalan harga ikan bukan dalam bidang kuasa LKIM, sebaliknya ia terletak di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

Walaupun begitu, pihaknya menjangkakan harga ikan tidak akan naik dengan ketara berikutan stok penimbal yang mencukupi dan kehadiran bekalan ikan import.

"Para peniaga perlu menunjukkan tanggungjawab sosial dengan menetapkan harga yang munasabah demi menjaga kestabilan harga untuk kepentingan rakyat," jelasnya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Abdul Hamid Bahari berkata, pihaknya turut bersedia menghadapi musim tengkujuh yang dijangka berlangsung dari November hingga Mac tahun hadapan.

Kata beliau, pihaknya dan pengusaha bot swasta sudah membuat simpanan bekalan ikan sejuk beku bagi menampung keperluan pasaran semasa musim tengkujuh.

"Simpanan bekalan ikan ini sebagai langkah berjaga-jaga berikutan keadaan cuaca yang tidak menentu sekarang. Setakat ini, bekalan ikan segar masih cukup dan dalam keadaan terkawal.

"Kerajaan juga menyediakan bantuan kewangan bagi menyokong nelayan yang tidak dapat turun ke laut, bantuan sebanyak RM300 disalurkan kepada nelayan bagi menyara hidup mereka yang bergantung sepenuhnya pada hasil laut," katanya.

Sementara itu, Abdul Hamid menegaskan, dengan persiapan rapi daripada pelbagai pihak dan kerajaan, bekalan ikan dalam pasaran dijangka stabil sekali gus mengurangkan impak musim tengkujuh terhadap pengguna dan nelayan di seluruh negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/11/2024	HARIAN METRO	LOKAL	21

Johor Bahru: Harga sayur-sayuran dijangka meningkat antara 20 hingga 30 peratus susulan musim Monsun Timur Laut (MTL) atau musim tengkujuh yang kini bermula.

Pengerusi Persekutuan Penanam Sayur Sayuran Malaysia, Lim Ser Kwee berkata, cuaca buruk dijangka menyebabkan bekalan sayur berkurangan sehingga 15 peratus di negeri-negeri terjejas terutama di kawasan rendah.

Menurutnya, ia beriku-

MUSIM MONSUN TIMUR LAUT SUDAH BERMULA

Harga sayur dijangka naik 20 hingga 30 peratus

tan pengeluaran hasil tidak seperti biasa susulan hujan lebat akan menyebabkan sayur tidak menjadi, selain kebun serta ladang di kawasan rendah mungkin ditenggelami banjir.

"Kita jangkakan kenaikan harga sayuran antara 20 hingga 30 peratus susulan musim tengkujuh yang mula melanda seluruh ne-

"Bagaimanapun, kenaikan harga sayuran ini tidak terlalu signifikan kerana ketika ini harga sayuran berada pada tahap rendah dan murah.

"Sawi umpamanya hanya dijual kepada pemborong pada harga 80 sen sekilogram, jika berlaku kenaikan 20 hingga 30 peratus pun kenaikan harganya minimum," katanya ketika di-

hubungi, di sini. Katanya, pengusaha risau banjir akan menenggelamkan kebun dan ladang sayur menyebabkan kenaikan harga lebih tinggi berikutan bekalan sayuran terjejas.

Dalam pada itu, Presiden Persatuan Penanam Sayur Cameron Highlands, Lau Weng Soon berkata, kualiti sayuran akan terjejas de-

ngan hasil pengeluaran berkurangan, jika keadaan hujan terlalu lebat.

Oleh itu katanya, kenaikan harga sayuran dijangka antara 20 hingga 30 peratus susulan keadaan cuaca luar jangka yang menyebabkan hasil pengeluaran terjejas.

"Bagaimanapun, banyak kebun dan ladang sayur baharu yang dibuka di Cameron Highlands, baru-baru

ini dan kita harapkan impak MTL tidak terlalu menjejaskan bekalan sayuran dari kawasan tanah tinggi ini.

"Kebanyakan ladang dan kebun sayur yang terjejas ketika MTL adalah di negeri tanah rendah seperti Johor, Melaka, Perak dan Pulau Pinang berikutan kebimbangan berlaku banjir," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/11/2024	HARAKAH	TIMUR	H15

Kelantan rancang bina kilang makanan haiwan

Oleh **MUHAMMAD ARIF ISMAIL**

KOTA BHARU: Kerajaan negeri menjalinkan kerjasama strategik bagi membantu penternak mendapatkan bekalan makanan ternakan yang berkualiti pada harga berpatutan.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi, Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, peningkatan harga makanan ternakan menjadi cabaran utama penternak.

Katanya peningkatan harga memberi tekanan kepada penternak skala kecil bagi mendapat keuntungan.



Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail pada pelancaran dedak jenama ALMA.

“Sekarang ada produk makanan ternakan jenama ALMA yang diharapkan dapat membantu penternak mendapatkan dedak berkua-

liti pada harga berpatutan. “Ia merupakan kerjasama FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd (FGVIF), Koperasi Khariah Masjid Al-

Musleh Pasir Mas Berhad dan Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB),” katan-ya di sini.

Hadir sama Adun Gual

Periok, Kamaruzaman Mohamad.

Tuan Saripudin berkata, melalui kerjasama itu kerajaan negeri merancang untuk membina kilang makanan haiwan di Tok Bali Pasir Puteh.

Menurutnya juga usaha itu merupakan sebahagian agenda gagasan Kerajaan Empat Negeri (SG4) iaitu Kelantan, Kedah, Terengganu dan Perlis.

Kata beliau melalui kerjasama tersebut diharap dapat mewujudkan sebuah kilang makanan ternakan bagi membekalkan sumber makanan dengan harga lebih murah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/11/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Bot pukat tunda tutup periuk nasi nelayan Sungai Rambah

Oleh **MUHAMMAD ZIKRI**
utusannews@mediamulla.com.my

PONTIAN: Nelayan di Sungai Rambah di sini meminta pihak berkuasa membanteras kegiatan bot pukat tunda yang mengancam periuk nasi mereka.

Bot pukat tunda sepatutnya beroperasi lima batu nautika dari kawasan pantai seperti yang ditetapkan dalam lesen.

Pengerusi Komuniti Nelayan Sungai Rambah, Mohd. Yusof Sulaiman, 66, berkata, tindakan pengusaha bot pukat tunda tersebut menyebabkan anak-anak ikan dan udang tidak dapat membiak.

Menurutnya, walaupun sebelum ini beberapa aduan dibuat kepada pihak berkuasa, namun bot-bot pukat tunda seperti 'kebal' undang-undang dan tidak menghiraukan keluhan nelayan pantai.

"Kami kini begitu terhimpit bukan sahaja dengan kehadiran bot pukat tunda tetapi juga penggunaan bubu naga menjadi punca hasil tangkapan kami berkurangan.

"Bubu kambang atau dikenali sebagai bubu naga telah diharamkan untuk menangkap ikan tetapi masih ada pihak menggunakan bagai menguntungkan besar," katanya kepada

Utusan Malaysia.
Mohd. Yusof berkata, pernah mereka turun laut hanya memperoleh hasil seekor ikan gelama, tidak berbaloi dengan kos minyak bot yang dihabiskan.

"Jika sebelum ini kami mampu memperoleh hasil tangkapan enam hingga 10 kilogram (kg) bagi udang besar, tetapi kini hendak mencari sekilogram pun susah," jelasnya.

Terdapat 30 nelayan pantai yang berpangkalan di Jeti Nelayan Sungai Rambah, namun tidak semua dapat turun ke laut kerana bimbang dengan kehadiran bot-bot pukat tunda.

Katanya, pukat-pukat tunda juga menyebabkan jaring nelayan pantai rosak dan terpaksa menggantikannya dengan yang baharu di mana harga satu jaring kini RM160.



Dr Azman Ibrahim bersama peserta seminar industri padi.

Kenaikan diesel punca kos tanaman padi meningkat

KUALA TERENGGANU: Kerajaan dicadang menaikkan harga lantai padi bagi meningkatkan pendapatan petani untuk menampung kos pengeluaran yang semakin melambung sekarang. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Kementerian Makanan, dan Komoditi Negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, kenaikan harga diesel menambah kos termasuk membajak, meratakan sawah, menuai dan mengangkut padi ke kilang.

"Harga lantai RM1,300 sudah tidak lagi praktikal. Harga lantai yang lebih munasabah

di antara RM1,500-RM1,800," katanya selepas merasmikan Seminar Industri Padi Terengganu 2024 di Dewan Perputakaan Awam Negeri, di sini, pada Isnin.

Menurutnya juga kenaikan harga lantai padi akan memberi kesan rantaian harga beras tempatan.

Kata beliau sekarang harga kawalan beras tempatan RM2.60 sekilogram sudah tidak lagi praktikal memandangkan kilang menjual beras RM2.65 sekilogram.

Menurutnya bagaimana pemborong hendak jual

RM2.60 segk di pasaran.

"Masalah yang berlaku itu menyebabkan padi tempatan yang masuk kilang tiba-tiba keluar jadi beras import kerana mereka tidak mampu untuk jual dengan harga kawalan tempatan.

"Sekiranya harga beras dinaik RM3 segk ia masih boleh diterima. Ia lebih baik daripada beras tempatan dijual dengan harga RM3.50 dengan label beras import," katanya.

Kata beliau kuasa penuh bagi menetapkan harga lantai dan kawalan beras terletak kepada kerajaan persekutuan.

Kelantan teroka tanaman padi huma

MUKADIMAH

KEDAH berjaya menanam padi huma melalui projek perintis di Seri Mentaloon, yang juga kediaman rasmi Menteri Besar. Padi varieti Bario mengambil masa empat bulan untuk dibuai. Berdasar pengalaman itu Kelantan juga berusaha merancang semula tanaman padi bukit. Bagi melihat potensinya ikuti temubual LANJUSOH dan MUHAMMAD ARIF ISMAIL bersama Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Dato Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail ketika ditemui di Kota Darulnaim baru-baru ini.



HARAKAH: Mungkin kerajaan Kelantan juga mahu mengaktifkan semula tanaman padi bukit?

TUAN MOHD SARIPUDIN: Ya kita ada beberapa cadangan membabitkan isu pemilihan benih padi atau varieti padi yang sesuai dengan tanah bukit. Dahulu dikenali sebagai padi huma. Padi jenis tersebut masih diusahakan penduduk Orang Asli di Gua Musang.

Kita masih dalam proses kajian setakat ia sesuai ditanam. Sekiranya ada petani yang berminat kerajaan negeri sedia memberi bantuan untuk tanaman padi huma. Cuma dari segi penggunaan jentera agak sukar kerana kawasan berbukit.

Kalau kita hendak buat secara besar-besaran belum ada tempat yang sesuai. Cuma kita ada alternatif lain iaitu menggunakan sejenis padi yang retan kemarau iaitu tidak perlu menggunakan air yang banyak.

Walaupun berlaku tanah merekah ketika kemarau panjang seperti Mac lepas, namun padi itu boleh hidup dan mengeluarkan hasil.

Ia dipanggil varieti padi CR. Sebuah jawatankuasa membuat kajian di beberapa tempat di Melor. Satu plot kajian ditanam di Kedah baru-baru ini berjaya mengeluarkan hasil.

Kita berharap benih padi tersebut dibawa juga ke Kelantan supaya kita boleh tanam di kawasan-kawasan yang mana sumber air tidak cukup. Kita boleh gunakan benih CR.

Kerajaan negeri juga ada perbincangan dengan kerajaan Indonesia melalui Mardi, IADA Kemasin Semarak dan KADA bagi menghasilkan

benih padi tahan kemarau.

Ada benih padi baru yang singkat tempoh penanaman. Benih yang ada di Malaysia sekarang tempoh penanaman dari awal sehingga menuai mengambil masa sehingga 110 hari. Malah ada 120 hari, tetapi di Indonesia sudah ada padi boleh dituai dalam tempoh 75 hingga 80 hari.

Benih padi terbabit sedang dibangunkan di ladang benih di Selangor dan beberapa tempat oleh beberapa pihak termasuk Mardi dan IADA Kemasin Semarak.



Padi bukit sesuai ditanam di kawasan pedalaman.

Perkara itu pernah dibentangkan pada mesyuarat Jawatankuasa Induk Pertanian Kelantan mengenai varieti tersebut. Kita juga boleh tanam padi lima musim dalam tempoh dua tahun. Itu ada lojiknya dan boleh dibuat sebenarnya, sebab kita guna kaedah padi yang lebih singkat tempoh matang.

Penggunaan jentera moden juga boleh mempercepat tempoh tuaian. Begitu juga jadual penanaman padi perlu diselarikan dengan keperluan pengairan dan saliran.

Perkara itu sudah diangkat kepada Kementerian Pertanian supaya dimasukkan dalam RMK (Rancangan Jangka Panjang Lima Tahun). Mungkin sudah dimasuk. Kita tengok projek perintis di Pasir Puteh.

Kawasan terbabit di Pasir Puteh sukar untuk mendapatkan sumber air kerana kedudukannya agak jauh. Sumber air daripada Stesen Pam KADA terletak begitu jauh. Kadang-kadang selepas hari kelima sumber air dipam baru sampai ke sawah di Pasir Puteh.

karang. Projek terbabit di bawah KADA dan IADA Kemasin Semarak.

Ketika kemarau panjang Mac lepas kerajaan negeri melulus peruntukan sebanyak RM300,000 untuk menyediakan pam bergerak dan melaksanakan telaga tiub, sejauh mana kejayaannya?

Pam bergerak digunakan sebagai bantuan semasa kritikal dan darurat. Ketika itu padi memerlukan air, jadi untuk mengelakkan padi ro-

Namun untuk jangka panjang ia tidak sesuai kerana ia perlu sistem pengairan.

Apa pun sumber air bawah tanah yang digunakan di Semarak, Pasir Puteh dapat menyelamatkan padi daripada rosak.

Tanaman padi boleh diperluaskan di kawasan luar jelapang antaranya Jeli dan Kuala Krai. Apa perancangan kerajaan negeri?

Tanaman padi di Jeli di bawah pengawasan Jabatan Pertanian. Kita baru bangun di Jeli dan nampak ada hasil tetapi belum lumayan lagi, jadi kita perlu menaik taraf saliran dan sumber air serta melakukan pemuliharaan tanah.

Ada kawasan tanah rendah di Jeli yang sesuai untuk penanaman padi, mungkin suatu hari nanti kawasan itu ada potensi untuk dibangunkan dengan tanaman padi secara meluas.

Kawasan terbabit seluas 100 ekar. Kawasan yang sudah dipulih bagi tanaman padi di kawasan itu sekarang seluas 30 ekar. Selain itu di Kuala Krai pun ada kawasan penanaman padi baru. Kita tengok ada kawasan yang ditanam padi secara kecil keci-

lan. Kawasan tanah rendah yang berair sesuai untuk padi, cuma perlu kepada infra yang cukup terutamanya pengairan dan saliran.

Kawasan itu juga perlu kepada pemuliharaan tanah terlebih dahulu, makna ph tanah kena sesuai dengan padi. Sekarang sudah ada ph 4, namun perlu dipertingkatkan kepada ph 6 baru sesuai untuk padi. Kita juga masih membuat kajian untuk melihat kawasan-kawasan yang sesuai untuk tanaman padi huma.

Mengambil kira masalah itu Pasir Puteh akan ada sumber air sendiri. Projek mini rumah pam di Pasir Puteh akan dibina di Sungai Jelor dan Sungai Tok Ajam. Sungai tersebut tidak pernah kering.

Apabila ada mini rumah pam di Bachok dan Pasir Puteh sistem pengairan akan lebih terjamin untuk penanaman padi. Kita harap projek tersebut tidak mengambil masa yang lama untuk dilaksanakan.

Perkara itu sudah tiga empat tahun dirancang tetapi belum nampak sehingga se-

sak kita mencari alternatif dengan menggali telaga tiub di kawasan yang dibuat kajian mempunyai sumber air.

Telaga tiub ada yang digali sehingga sedalam 100 kali dan ada yang lebih dalam. Air yang disedut dialir ke kawasan sawah padi, namun satu tubewell tidak boleh menampung kawasan yang luas. Mungkin sekitar 10 hingga 20 ekar sahaja.

KADA pun membina lebih 200 tubewell. Peruntukan segera RM300,000 kita guna bagi membina gali telaga tiub dan membeli pam bergerak.